

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini dikemukakan kesimpulan terhadap dapatan-dapatan penting yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik seperti yang diuraikan dalam bab-bab sebelum ini. Selain itu, pengkaji juga mengemukakan beberapa cadangan tentang penggunaan kamus di dalam kelas B.M, dan B.I di sekolah menengah. Melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan, diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dalam hal penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan.

## 5.2

## Kesimpulan

Kajian ini dilakukan terutamanya untuk mencapai objektif-objektif seperti yang terdapat dalam Bab I di bawah Tajuk 1.2. Objektif-objektif tersebut ialah seperti berikut :

- i. Untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran B.M.
- ii. Untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran B.I.
- iii. Untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan kamus apabila mempelajari bahasa.
- iv. Untuk mengenal pasti masalah-masalah penggunaan kamus di kalangan pelajar.
- v. Untuk mengenal pasti sikap dan perspektif guru tentang penggunaan kamus dalam kelas B.M dan B.I.

### 5.2.1 Kekerapan Penggunaan Kamus

Hasil kajian ini mendapati penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah pada hari ini belum mencapai tahap yang memuaskan. Dalam kajian ini, didapati 38.75% daripada

responden menyatakan “tidak sekalipun” kamus digunakan sepanjang minggu dalam kelas Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan kamus masih belum digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran secara maksimum. Yang jelas, pelajar-pelajar masih lagi menggunakan buku teks, buku kerja dan buku ulangkaji sebagai bahan sumber utama dalam kelas B.M.

Keadaan ini berbeza dengan hal penggunaan kamus dalam kelas B.I. Hasil kajian ini menjelaskan pelajar lebih kerap menggunakan kamus apabila mempelajari bahasa asing. Mungkin kerana kesukaran mata pelajaran tersebut memaksa mereka menggunakan kamus dengan lebih kerap. Didapati sebanyak 41.25% daripada responden menyatakan mereka menggunakan kamus sebanyak “dua kali seminggu”. Penggunaan kamus sekerap ini adalah belum mencapai tahap yang memuaskan.

Walaupun kamus tidak digunakan sebagai bahan rujukan utama, tetapi semua pelajar akui tentang kepentingan kamus dalam pembelajaran bahasa. Melalui soal selidik, didapati sebanyak 79.38% daripada responden berpendapat bahawa kamus sangat penting sebagai bahan pembelajaran dalam kelas B.M dan B.I.

Kajian ini cuba mencari masalah cara penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar. Penyelidik dapati sebahagian besar pelajar tidak menghadapi masalah tentang cara menggunakan kamus. Sebanyak 70.00% daripada responen menyatakan mereka tidak ada masalah semasa menggunakan kamus daripada kedua-dua bahasa itu.

Dapatan yang diterangkan dalam bab keempat di atas, menunjukkan sebilangan besar pelajar (52.25%) tidak menjawab soalan ini. Ini bererti pelajar-pelajar itu tiada kesulitan semasa menggunakan kamus B.M. Jadual di atas menunjukkan masalah ‘kata dasar yang terlalu banyak makna’ merupakan masalah yang paling banyak dinyatakan oleh responden iaitu 10.00% (8). Masalah kedua terbanyak dinyatakan ialah masalah ‘sukar mencari kata dasar (kata entri)’, iaitu sebanyak 8.75%(7). Hanya seorang pelajar (1.25%) menyatakan masalah ‘sukar mencari simpulan bahasa’.

Dalam bab kempat disertasi ini juga diterangkan dapatan-dapatan tentang masalah penggunaan kamus dalam pembelajaran B.I dalam kelas di sekolah. Dapatan itu menunjukkan sebahagian besar pelajar iaitu 42.50% (34) tidak menjawab. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai masalah dalam

penggunaan kamus. Hal ini sama dengan penggunaan kamus dalam kelas B.M di atas. Masalah kedua yang terbanyak dinyatakan oleh responden ialah masalah perkataan yang dicari tiada dalam kamus. Jumlah pelajar B.I yang menyatakan demikian ialah 10 orang (12.50%). Hal ini mungkin kamus yang digunakan oleh pelajar-pelajar berkenaan tidak lengkap. Masalah ketiga pula ialah "sukar menentukan sebutan". Seramai 8 orang responden (10.00%) yang menyatakan demikian. Hal ini berlaku mungkin kerana kamus yang digunakan oleh pelajar-pelajar itu tiada transkripsi fonetik. Kalau ada pun, mungkin guru tidak menerangkan kepada mereka cara membaca transkripsi fonetik tersebut.

Pendek kata, sebahagian besar pelajar tidak menghadapi masalah semasa menggunakan kamus. Hal ini kerana, lebih daripada separuh responden itu menyatakan mereka diajar oleh guru-guru bahasa mereka tentang cara menggunakan kamus. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil daripada pelajar-pelajar B.M menghadapi masalah "kata dasar yang terlalu banyak makna" dan "sukar mencari kata dasar" (kata entri) semasa menggunakan kamus. Bagi pelajar-pelajar B.I pula, mereka menghadapi masalah "perkataan yang dicari tiada dalam kamus" dan "sukar menentukan sebutan". Hal ini terjadi mungkin kerana kamus yang digunakan oleh mereka tidak lengkap (lihat halaman 93-96).

Masalah-masalah seperti harga kamus mahal, kamus tebal atau kamus di perpustakaan tidak cukup tidak pernah dinyatakan oleh responden, walaupun mereka berpeluang berbuat demikian dalam borang soal selidik tersebut. Sebanyak 95.00% daripada pelajar-pelajar itu memiliki kamus dwibahasa Inggeris-Melayu. Pelajar mampu memiliki kamus, sama ada yang mahal atau murah, yang tebal atau nipis. Bukan faktor luaran yang menyebabkan mereka tidak gemar menggunakan kamus, tetapi faktor dari dalam jiwa pelajar itu sendiri. Pelajar-pelajar tidak berminat menggunakan kamus dan guru-guru pula tidak berminat membimbing mereka ke arah penggunaan kamus secara maksimum.

#### 5.2.3 Masalah Penggunaan Kamus Dari Perspektif Guru

Apabila ditinjau pendapat guru-guru bahasa pula, kesemua mereka menyatakan peranan kamus sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Tentang kekerapan penggunaan kamus, sebanyak 40% daripada guru B.M. dan B.I. menyatakan mereka “kerap” menggunakan kamus dalam pengajaran mereka. Tetapi guru B.I. lebih kerap menggunakan kamus, kerana 20% daripada mereka menjawab “amat kerap”.

Guru-guru bahasa menggunakan kamus dalam semua aspek pengajaran iaitu bacaan dan pemahaman, tatabahasa, karangan serta lisan. Penggunaan kamus lebih ditekankan dalam aspek bacaan dan pemahaman. Walau bagaimanapun, guru B.M. tidak pernah menggunakan kamus apabila mengajar karangan dan surat kiriman.

Apabila ditanya tentang masalah penggunaan kamus, mereka menyatakan masalah yang sama seperti pelajar. Ada juga guru yang menyuarakan masalah kamus yang terdapat di pusat sumber tidak cukup; penggunaan kamus membantu kelancaran pengajaran; kamus yang tebal dan berat. Kamus-kamus mini pula tidak mengandungi maklumat yang lengkap.

Kesimpulan di atas merupakan satu kesimpulan umum berdasarkan hasil kajian tentang penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah menengah. Penjelasan yang lebih mendalam terdapat dalam Bab IV mengenai hasil kajian yang dilakukan serta perbincangannya.

### **5.3 Cadangan**

Dalam bahagian ini dikemukakan beberapa cadangan untuk peningkatan serta keberkesanan penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran

bahasa di sekolah menengah. Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini berguna kepada pihak penggubal kurikulum, pentadbir sekolah, penyusun serta penerbit kamus, guru-guru bahasa, ibu bapa dan seterusnya pelajar-pelajar sekolah menengah. Cadangan-cadangan yang difikirkan penting ialah seperti berikut :

(a) Perancangan dalam bidang perkamusan

Perancangan yang teratur dan rapi dalam bidang perkamusan perlu untuk menentukan sesebuah kamus yang diterbitkan bermutu dan sesuai dengan kegunaan pelajar-pelajar sekolah menengah. Penyusun kamus **A Modern Classroom Dictionary** (1974 : IV) menyatakan kamusnya memuatkan kata-kata masukan yang mudah dengan penerangan yang sesuai dengan pengetahuan dan pengalaman kanak-kanak. Justeru, pengkaji berpendapat kamus-kamus untuk sekolah menengah hendaklah kamus yang mudah difahami, penampilannya menarik, sesuai dengan pemikiran golongan remaja.

(b) Pengetahuan guru dalam bidang perkamusan

Setiap orang guru dan bakal guru mestilah mempunyai pengetahuan dalam bidang perkamusan. Oleh itu guru-guru pelatih di maktab perguruan atau di

universiti hendaklah diajar dengan ilmu leksikografi. Pengetahuan di bidang itu membolehkan guru memberi tunjuk ajar kepada pelajar-pelajarnya tentang cara memperkayakan kosa kata dan memberi makna sesuatu perkataan dengan teknik leksikografis. Selain itu, kursus-kursus dalam perkhidmatan mengenai bidang perkamusan hendaklah sentiasa diberikan kepada guru-guru. Pihak Kementerian Pendidikan dan syarikat-syarikat penerbit kamus perlu menganjurkan kursus sedemikian, dari semasa ke semasa.

(c) Membina minat pelajar menggunakan kamus.

Peningkatan penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah berkait rapat dengan minat pelajar-pelajar terhadap kamus. Ada banyak cara yang boleh dilakukan oleh guru-guru untuk membina minat pelajar terhadap kamus. Misalnya guru boleh menyediakan beberapa latihan kepada pengguna kamus. Latihan-latihan yang dikemukakan itu mengenai sebutan, penggunaan kata dan infleksi. Guru juga boleh menggunakan teka silang kata untuk merangsang minat pelajar terhadap penggunaan kamus.

Penerbit-penerbit kamus pula hendaklah menerbitkan kamus yang bergambar, berilustrasi, berwarna-warni dan dengan penampilan yang menarik pula. Hal ini

sesuai dengan persoalan yang dikemukakan oleh Corbeil dan Archambault yang berbunyi :

Apakah anda tahu bentuknya  
tetapi tidak tahu namanya?  
Apakah anda tahu namanya  
tetapi tidak dapat membayangkan bentuknya?  
Kamus bergambar memungkinkan anda melihat  
gambar untuk mengetahui namanya.

( Corbeil dan Archambault, 1992 : 2)

(d) Penerbitan kamus elektronik

Sesuai dengan zaman siber kini, penerbit-penerbit hendaklah menerbitkan kamus-kamus elektronik. Kamus-kamus elektronik itu boleh berupa komputer telapak, disket, cakera padat atau dalam bentuk *on-line*. Karya itu boleh berupa kamus mini atau kamus mega. Tetapi idea ini akan menjadi satu khayalan jika sekolah-sekolah tidak disediakan dengan makmal komputer yang lengkap.

Penerbitan kamus elektronik bukan sahaja dapat menarik minat pelajar, tetapi dapat mengatasi masalah kelambatan mencari maksud sesuatu kata dasar. Kamus elektronik juga boleh digunakan serentak dengan buku teks, buku kerja, buku ulangkaji atau ensaiklopedia, dengan syarat, buku-buku rujukan itu juga dalam bentuk disket, cakera padat atau pelbagai bentuk perisian yang lain.

(e) Penambahan jumlah kamus di pusat sumber sekolah

Pentadbir sekolah memainkan peranan penting untuk menambahkan jumlah kamus ekabahasa berbahasa Melayu dan kamus dwibahasa Inggeris-Melayu di pusat sumber sekolah, bagi kegunaan pelajar-pelajar. Tugas guru-guru bahasa pula ialah mengesyorkan kepada pentadbir sekolah tentang jumlah serta nama-nama kamus yang diperlukan.

(f) Pembelian kamus oleh ibu bapa pelajar

Penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak akan berkesan sekiranya pelajar-pelajar tidak memiliki kamus. Oleh itu ibu bapa perlulah membeli kamus-kamus yang sesuai dengan kegunaan anak-anak mereka.

(g) Pengajaran cara-cara menggunakan kamus

Keberkesanan penggunaan kamus bergantung kepada kecekapan dalam menggunakaninya. Justeru itu, guru-guru bahasa hendaklah mengajar pelajar-pelajarnya tentang cara menggunakan kamus. Setiap kamus yang baik mempunyai panduan yang lengkap tentang cara-cara menggunakan kamus

tersebut. Berpandukan panduan yang disediakan itu, guru boleh mengajar murid-muridnya tentang kata entri, ejaan, sebutan, jenis huruf dan tanda yang digunakan, label, singkatan dan sebagainya.

Kesimpulannya, banyak faedah yang diperolehi oleh pelajar-pelajar jika mereka tahu cara menggunakan kamus. Mereka dapat menyelesaikan masalah-masalah bahasa dan meningkatkan penguasaan kosa kata. Di samping itu, mereka dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam dua mata pelajaran yang penting iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Disebabkan bidang perkamusan ini sangat menarik dan tiada sempadannya, maka kajian-kajian seperti ini mestilah diteruskan dengan matlamat memperkayakan khazanah ilmu bahasa. Pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian tentang penggunaan kamus dalam kelas bahasa Arab dan bahasa asing yang lain juga dijalankan. Kajian lanjut tentang penggunaan kamus di kalangan masyarakat umum, golongan profesional dan suri rumah juga patut dilakukan. Pendek kata, kajian lanjut dalam bidang leksikografi ini sentiasa terbuka luas kepada pengkaji dan ahli-ahli akademik yang berminat.